



1310 mangsa banjir di Kuantan pindah ke enam PPS

Oleh **Khairulmizan Yahya** - Februari 6, 2023 @ 3:36pm
bhnews@bh.com.my



Anggota APM membantu memindahkan mangsa banjir di sekitar Kuantan hari ini. - Foto NSTP/Ihsan APM

KUANTAN: Seramai 1,310 mangsa banjir membabitkan 342 keluarga dipindahkan ke enam pusat pemindahan sementara (PPS) di sekitar daerah ini setakat jam 2 petang, hari ini.

Menurut jurucakap Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, enam PPS dibuka bermula 9 pagi tadi.

PPS Dewan Dato Manan dekat Pandan, di sini, menempatkan paling ramai mangsa banjir setakat ini iaitu seramai 560 orang daripada 140 mangsa diikuti, PPS Wisma Belia (300 orang daripada 92 keluarga).

Seterusnya, PPS Dewan Orang Ramai Taman Tas (220 orang daripada 55 keluarga), PPS Dewan Orang Ramai Sri Mahkota (143 orang daripada 32 keluarga), PPS Dewan

Orang Ramai Sri Damai (57 orang daripada 12 keluarga) dan PPS Dewan Orang Ramai Jaya Gading (30 orang daripada 11 keluarga).

Tiga sungai di daerah ini masih mencatatkan paras bahaya iaitu Sungai Lembing dengan ketinggian sehingga 37.20 meter (m), Sungai Kuantan di Bukit Kenau (22.14m) dan Sungai Belat di Seri Damai (5.77m).

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu menasihati orang ramai supaya tidak menyebarkan maklumat dan gambar lama berkaitan banjir di daerah ini di media sosial.

Ini berikutan, tersebarnya gambar kejadian banjir tahun lalu di media sosial.